

Tajuk : UNIMAS gesa pelajar tidak terbabit demonstrasi

# Unimas gesa pelajar tidak terbabit demonstrasi

**S**AMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) memberi amaran kepada 11,000 pelajarnya supaya tidak terbabit dalam sebarang demonstrasi yang boleh menyebabkan kemusnahan harta benda kampus semata-mata mahu memperjuangkan ideologi mereka.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Unimas, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, ini kerana pihaknya mengetahui ramai pihak berusaha mempengaruhi pelajar universiti itu dengan pelbagai bentuk fahaman dan ideologi termasuk politik.

“Kami tidak mahu Unimas menjadi tempat berdemonstrasi, sekiranya berlaku sesuatu sehingga memburukkan pihak lain,” katanya ketika merasmikan Panggung Gemilang di Unimas, semalam.



**RASMI...Fadzil menandatangani plak perasmian di Panggung Gemilang, semalam.**

Prof Mohd Fadzil berkata, Unimas sebaliknya mahu semua pelajar membuktikan mereka profesional walaupun berlainan ideologi dan fahaman serta mampu menghindarkan perkara negatif.

“Pelajar Unimas perlu menyimpan perbezaan ideologi ketika di kampus. Pelajar perlu membuktikan kepada pihak luar mereka hanya menumpukan kepada usaha kecemerlangan akademik serta kegiatan

lain lebih berfaedah seperti kesenian dan sukan di kampus,” katanya.

Katanya, universiti menyediakan pelbagai kemudahan bersukan dan kesenian termasuk stadium dan gelanggang futsal, skuasy dan kolam renang saiz Olimpik.

“Adalah lebih baik mereka memanfaatkan kemudahan disediakan daripada terbabit dengan gejala negatif,” katanya.